

**NO. SOALAN: 428**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN GOOI HSIAO-LEUNG  
[ ALOR SETAR ]**

**RUJUKAN : 8039**

**SOALAN:**

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [ Alor Setar ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa jumlah orang yang disiasat polis di bawah Akta Hasutan untuk 2010, 2011, 2012, 2013, 2014 sehingga April 2015, dan daripada jumlah siasatan tersebut, berapakah orang yang didakwa, dan disabitkan bersalah oleh mahkamah di bawah Akta tersebut.

## **JAWAPAN:**

**Berdasarkan rekod yang ada pada pihak polis, sejak tahun 2010 sehingga 30 April 2015, sebanyak 429 kes telah disiasat di bawah Akta Hasutan 1948 oleh pihak polis. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 65 kes telah disiasat bagi tahun 2010 dengan tiada kes yang dituduh di Mahkamah bagi tahun tersebut. Manakala bagi tahun 2011, sebanyak 74 kes telah disiasat dengan 4 kes daripadanya telah dituduh di Mahkamah. Bagi tahun 2012 pula, sebanyak 38 kes telah disiasat dan 2 kes telah dituduh di Mahkamah.**

**Pada tahun 2013, sebanyak 30 kes telah disiasat, 2 kes daripadanya telah dituduh di Mahkamah dan bagi tahun 2014 pula sebanyak 115 kes disiasat oleh pihak polis dengan 15 kes daripadanya dituduh di Mahkamah. Bagi tahun 2015 pula, pihak polis telah menjalankan siasatan terhadap 34 kes yang mempunyai elemen hasutan dengan 1 kes daripadanya telah dituduh di Mahkamah.**

**Untuk makluman, pihak polis tidak mempunyai statistik berkenaan mereka yang telah disabitkan bersalah oleh Mahkamah di bawah Akta Hasutan 1948 kerana ianya bukan di bawah bidang kuasa pihak polis. Sebaliknya maklumat berkenaan eloklah jika dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara.**